

Laporan ringkasan asas



Social Cohesion Guide

Ringkasan laporan asas social cohesion

Ringkasan asas social cohesion adalah laporan yang menerangkan social cohesion di Aotearoa New Zealand pada masa ini berdasarkan maklumat yang tersedia. Ia menyediakan titik permulaan untuk mengukur social cohesion pada masa hadapan.

Di Aotearoa New Zealand, terdapat social cohesion dalam masyarakat kita apabila orang berhubung dan mempunyai rasa kekitaan, dapat mengambil bahagian, diiktiraf dan dihormati, keterlibatan secara saksama dan kepercayaan kepada orang lain dan dalam organisasi kerajaan.

Untuk mencapai social cohesion, tempat di mana orang menetap, bekerja, bermain dan belajar mestilah selamat, inklusif dan menyokong; dan sistem dan perkhidmatan dalam masyarakat kita mestilah adil dan mampu bertindak balas terhadap keperluan dan isu yang berbeza.

Tidak ada satu cara untuk mengukur social cohesion di Aotearoa New Zealand, justeru kita perlu menggunakan pelbagai sumber maklumat dan data untuk mendapatkan pemahaman tentang social cohesion kita yang sebenarnya. Kami menggunakan sumber data dan tinjauan semasa yang dikumpulkan antara 2016 dan 2021. Secara amnya, terdapat maklumat positif berhubung dengan social cohesion, tetapi kadangkala maklumat itu tidak mencerminkan isu-isu yang lebih kompleks yang berkaitan dengan social cohesion. Sebagai contoh, maklumat yang dikumpulkan tidak boleh selalu digunakan untuk memahami social cohesion untuk kumpulan yang lebih kecil dalam masyarakat.

Maklumat menunjukkan bahawa ramai orang yang menetap di Aotearoa New Zealand mempunyai tahap kekitaan, kepercayaan, penyertaan dan kesejahteraan yang tinggi. Tetapi ia juga mendedahkan bahawa tidak semua pihak mengalami pengalaman yang sama. Sebagai contoh, data tentang Māori menunjukkan mereka mempunyai tahap kekitaan tinggi melalui keluarga dan budaya mereka, tetapi tahap kepercayaan yang lebih rendah terhadap kerajaan dan kurang penyertaan dalam pendidikan, pekerjaan dan pengundian.

Di samping itu, maklumat juga menunjukkan bahawa diskriminasi adalah penghalang besar terhadap social cohesion di Aotearoa New Zealand. Sesetengah kumpulan mengalami tahap diskriminasi yang lebih tinggi, seperti orang yang ditempatkan semula (pelarian) dan pendatang dari Asia dan Kepulauan Pasifik, ibu bapa tunggal dan orang yang menganggur. Ramai orang mengalami pelbagai jenis diskriminasi pada masa yang sama, ini meningkatkan pengalaman negatif mereka. Sebagai contoh, wanita dan komuniti pelangi (LGBTQIA+) mengalami diskriminasi yang lebih tinggi secara keseluruhan, tetapi terdapat perbezaan diskriminasi yang dialami oleh orang dalam kumpulan ini berdasarkan etnik atau ketidakupayaan mereka dan sebagainya.

Akhir sekali, maklumat menunjukkan bahawa peranan kepimpinan kanan dalam kerajaan dan perkhidmatan awam boleh menjadi lebih pelbagai dari segi etnik. Ini akan lebih mencerminkan susunan masyarakat di Aotearoa New Zealand.

COVID-19 telah memberi kesan kepada social cohesion di Aotearoa New Zealand secara positif dan negatif. Sebagai contoh, komuniti telah bergabung untuk menyokong satu sama lain, tetapi ramai orang tidak dapat melihat keluarga dan rakan mereka secara bersemuka, dan wabak itu telah meningkatkan isu kesihatan fizikal dan mental. Kesan lain daripada pandemik COVID-19 masih berlaku.

